

13 SEP 2002

PRESIDEN SENEGAL DI KUNJUNGAN PERPISAHAN

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Presiden Senegal Abdoulaye Wade, yang menamatkan lawatan tiga hari ke Malaysia hari ini, melakukan kunjungan perpisahan terhadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini.

Di hari terakhir lawatan sulung beliau ke sini, pemimpin negara barat Afrika itu melawat Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia di sini dan kilang Proton di Shah Alam.

Presiden itu mengadakan perbincangan bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam di mana beliau menyatakan hasrat Senegal untuk mempelajari pengalaman Malaysia dalam pembangunan.

Abdoulaye akan meninggalkan Malaysia malam ini.

-- BERNAMA

MAM MAM PR